

WASIAT BERAMANAH: ALTERNATIF KEPADA PERANCANGAN HARTA PUSAKA YANG KOMPREHENSIF DI MALAYSIA

Muhamad Mui'zz bin Abdullah^{a*}

^aAbdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences,
International Islamic University Malaysia (IIUM)

Email: muizzziela8990@gmail.com

*Corresponding Author

Article info

Received:
07/02/2023
Received in revised form:
05/03/2023
Accepted:
07/03/2023
Available online:
10/03/2023

Keywords:
Wasiat Beramanah,
Wasiat,
Perancangan harta
pusaka,
Amanah (trust)

Abstrak

Wasiat merupakan salah satu instrumen perancangan harta pusaka yang menjadi pilihan orang Islam di Malaysia. Namun demikian, pelaksanaan wasiat selepas kematian pewasiat masih berdepan cabaran seperti pelaksanaan wasiat ini masih boleh dicabar, terhad kepada 1/3 bahagian kepada bukan waris, pergaduhan di antara waris, perlantikan penjaga tidak beramanah sehingga berlakunya pengabaian benefisiari. Justeru, kajian ini akan menganalisis aplikasi Wasiat Beramanah sebagai alternatif dalam perancangan harta pusaka yang lebih sistematik dan holistik. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan temu bual bersama seorang pegawai di Amanah Raya Berhad (ARB). Hasil kajian mendapati bahawa aplikasi Wasiat Beramanah adalah lebih komprehensif daripada wasiat biasa, berupaya menunaikan hasrat pewasiat, dan menjaga kebajikan waris-warisan selepas berlaku kematian pewasiat. Kajian ini mencadangkan aplikasi Wasiat Beramanah ini diperluaskan lagi kerana masih kurang diberi perhatian.

TESTAMENTARY TRUST: AN ALTERNATIVE TO COMPREHENSIVE ESTATE PLANNING IN MALAYSIA

Abstract

Will is one of the estate planning instruments that are preferred by Muslims in Malaysia. However, the execution of a will after the death of the testator still faces challenges such as the execution of the will can still be challenged, limited to 1/3 of the share to non-heirs, disputes among heirs, and the issue of neglect of the beneficiary by the guardian appointed. Thus, this study will analyze the application of Testamentary Trust as an alternative in more systematic and holistic estate planning. This is a qualitative study by using the library research method and an interview with an officer at Amanah Raya Berhad (ARB). The results of the study found that the Testamentary Trust application is more comprehensive than a normal will, able to fulfill the wishes of the testator, and take care of the welfare of the heirs after the death of the testator. This study suggests that the application of this Testamentary Trust will be expanded further because it still lacks attention.

Keywords: Testamentary trust, Will, Estate planning, Trust.

PENDAHULUAN

Penulisan wasiat sewaktu hidup dapat membantu melancarkan proses pentadbiran harta pusaka selepas kematian. Harta yang dimiliki sama ada aset alih atau aset tidak alih perlu disenaraikan secara bertulis dan terperinci. Ini termasuklah liabiliti yang dimiliki seperti hutang kad kredit, pembiayaan peribadi dan pinjaman pelajaran (Juliza Mohamed et. al, 2022). Malah, melalui penulisan wasiat juga seseorang itu boleh melakukan kebajikan seperti bersedekah dan wakaf sebagai amal soleh di akhirat kelak (Margaretha, 2020).

Galakan ini telah disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis riwayat al-Bukhari:

قَالَ رَجُلٌ لِلنَّبِيِّ ﷺ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ قَالَ: " أَنْ تَصَدَّقَ وَأَنْتَ صَحِيحٌ حَرِيصٌ. تَأْمَلُ الْغَنَى، وَتَخْشَى الْفَقْرَ، وَلَا تُمَهِّلُ حَتَّى إِذَا بَلَغَتِ الْخُلُقُومَ قُلْتَ لِفُلَانٍ كَذَا وَلِفُلَانٍ كَذَا، وَقَدْ كَانَ لِفُلَانٍ

Seorang pemuda bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling afdhal? Rasulullah SAW menjawab: Bersedekahlah kamu ketika kamu masih sihat dan mampu, kamu mengharapkan kekayaan, dan bermohon untuk dijauhkan dari kemiskinan, dan jangan kamu menangguhkan berbuat kebaikan sehingga ruh telah sampai di kerongkong, kemudian engkau berkata "harta ini untuk si fulan dan ini untuk si fulan, sedangkan harta itu sebenarnya milik si fulan

(Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis di atas, Ibnu Hajar al-‘Asqalani (1958) menyatakan bahawa sedekah yang paling afdhal adalah dengan kadar segera dan tidak tertangguh sehingga datangnya ajal. Melalui penulisan wasiat, sedekah atau bentuk perancangan harta tersebut dapat dilakukan pada ketika sihat. Penulisan wasiat ini lebih ditekankan terutama bagi mereka yang tiada waris *asobah* seperti anak lelaki, mempunyai anak angkat atau anak tidak sah taraf dan ibu bapa yang tidak beragama Islam. Malah, Islam menjamin bahagian mereka yang bukan ahli waris sebanyak 1/3 bahagian, manakala baki 2/3 dibahagikan kepada ahli waris secara hukum faraid (Al-Khatib Asy-Syarbini, 1994).

Walaupun faraid merupakan hukum perwarisan Islam yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan terdapat sejumlah 25 waris *ashab al-furud* yang disenaraikan, ini tidak bermakna sesuatu perancangan harta pusaka tersebut tidak boleh dilakukan (Wan Abdul Halim, 2008). Oleh kerana itu, terdapat dalam kalangan masyarakat menyuarakan “tidak perlu menulis wasiat, akhirnya akan dicabar juga”, “tak perlu susahkan diri menulis wasiat, hukum faraid adalah yang terbaik” dan “mahal la dokumen perundangan wasiat... ikut sahaja hukum faraid”. Stigma dalam kalangan masyarakat ini perlu diperbetulkan. Pelaksanaan wasiat bukanlah bersifat mutlak. Sebaliknya wasiat adalah salah satu perancangan harta pusaka dan masih tertakluk kepada hukum-hukum syariah.

Tidak dapat dinafikan wasiat juga boleh dicabar kesahihannya terutama jika berlaku perebutan dalam kalangan ahli keluarga. Sebagai contoh sebutan kes Aziah bin Abdul Aziz lwn. Azmi bin Abd. Aziz, [2013] JH 36(1) 50. Dalam kes ini, perayu iaitu Aziah bin Abdul Aziz telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini kerana, responden yang juga merupakan saudara kandung beliau telah memohon tuntutan untuk mengesahkan Surat Perjanjian yang telah dibuat di antara perayu dan Allahyarham bapa mereka (Abdul Aziz bin Zakaria). Responden telah menuntut harta pusaka si mati tersebut yang melibatkan 2 buah rumah dan wang tunai dibahagikan mengikut hukum faraid. Namun begitu, Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak permohonan perayu kerana berlaku kelewatan dalam permohonan rayuan yang dibuat dalam tempoh masa ditetapkan.

Manakala dalam kes Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain (Jurnal Hukum, j.14, 2001), plaintif iaitu Ibrahim bin Hj. Abu Bakar telah membuat pengesahan wasiat dan hibah terhadap harta pusaka Azhari bin Mohd Ali yang melibatkan sebidang tanah. Plaintif bukanlah waris kepada si mati dan mendakwa si mati telah menyerahkan sebidang tanah tersebut kepadanya sewaktu hayat si mati kerana mempunyai hubungan yang baik dengan beliau. Oleh kerana si mati tidak meninggalkan sebarang waris yang terdekat, maka waris-waris *asobah* si mati telah membantah dan memohon harta pusaka tersebut difaraidkan. Walaupun plaintif telah mengemukakan Surat Akuan Berkanun yang mengandungi perakuan si mati mengenai pemberian tersebut, namun Surat Akuan Berkanun itu tidak ditandatangani oleh si mati dan tidak dikira sebagai wasiat.

Berdasarkan dua kes di atas, dapat disimpulkan bahawa perancangan harta melalui penulisan wasiat adalah penting untuk manfaat waris-waris yang bakal ditinggalkan. Bagi orang Islam, kewujudan beberapa enakmen di sebahagian negeri telah digazetkan untuk memudahkan pelaksanaan wasiat yang dilakukan dan menjadi rujukan jika berlaku sebarang isu-isu yang timbul. Sehingga kini, terdapat 6 enakmen yang boleh dirujuk seperti berikut (Fatimah Karim, 2022).

- i. Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
- ii. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004
- iii. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005
- iv. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009
- v. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Pahang) 2017
- vi. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018

Sebagai contoh, terdapat beberapa peruntukan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 yang boleh dirujuk mengenai polemik dalam kalangan masyarakat muslim seperti:

- i. Seksyen 22. Wasiat yang berhubungan dengan benefisiari yang belum wujud.
(1) *Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada benefisiari yang yang belum wujud dan kepada sekumpulan benefisiari tertentu yang sebahagiannya telah wujud dan yang sebahagian lagi belum wujud.*
(2) *Jika tidak terdapat benefisiari yang disebut dalam subseksyen (1) ketika seseorang pewasiat mati, harta atau manfaat yang diwasiatkan itu hendaklah dibahagikan kepada semua warisnya yang berhak menerima harta pusaka.*
- ii. Seksyen 26: Wasiat kepada waris dan bukan waris
(2) *Sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga, hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.*
- iii. Seksyen 27. Wasiat kepada cucu
(1) *Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar **wasiat wajibah** yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.*

Tidak dinafikan bahawa kesemua Enakmen yang digazetkan boleh menjadi rujukan apabila berlakunya pertikaian mengenai penulisan wasiat dan merungkai polemik dalam kalangan masyarakat. Namun, perkara tersebut tidak mampu menjamin sepenuhnya hasrat pewasiat untuk manfaat benefisiari yang bakal ditinggalkan. Justeru, bagi melihat pelaksanaan wasiat yang lebih komprehensif, maka kajian ini akan memberi penumpuan kepada pelaksanaan Wasiat Beramanah melalui instrumen amanah (*trust*) sebagai alternatif dalam perancangan harta pusaka yang lebih sistematik dan holistik.

ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Isu-isu mengenai perancangan harta melalui wasiat begitu signifikan untuk dibincangkan. Oleh kerana itu, terdapat banyak kajian dilakukan daripada semasa ke semasa. Jadual 1 di bawah menyenaraikan soroton literatur mengenai wasiat yang telah dilakukan oleh para sarjana di Malaysia bagi 5 tahun terkini.

Jadual 1: Soroton Literatur

No.	Penulis	Objektif dan Hasil kajian	Tema
1	Kamarul Azmi (2019)	Mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 180-182) daripada kitab tafsir <i>turath</i> Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara tentang pensyariatan wasiat, iaitu definisi wasiat dalam Islam, hukum wasiat, dan hukum mengubah wasiat.	
2	Mohamad Ali Roshidi (2020), Mohd Ali & Basri Ibrahim (2021),	Kajian terhadap konsep pelaksanaan wasiat secara umum melalui surah an-Nisa'. Kajian menekankan kepentingan penulisan wasiat dalam pengurusan harta pusaka.	Konsep dan penulisan wasiat
3	Nur Hidayati et. al (2023)	Kajian adalah tertumpu kepada wasiat Luqman al-Hakim di dalam al-Quran.	
4	Asjad Mohamed et. al (2019), Mohd Shukri et. al (2019), Md. Habibur Rahman (2020), Md. Habibur Rahman & Abu Talib (2020), Nurul Syafini et. al (2021), Fatimah Karim (2022)	Kajian terhadap konsep dan <i>maqasid syariah</i> bagi pelaksanaan wasiat <i>wajibah</i> , peruntukan undang-undang mengenai wasiat <i>wajibah</i> khususnya dalam Enakmen Wasiat Orang Islam di Malaysia serta melihat kepada aspek penambahbaikan selaras dengan mazhab <i>muktabar</i> .	Wasiat <i>Wajibah</i>
5	Suhaili Alma'amun et. al (2022),	Penulis membuat perbandingan di antara pelaksanaan wasiat <i>wajibah</i> di Malaysia dan Indonesia. Terdapat dua berbezaan utama <i>di antara</i> kedua-dua negara iaitu jenis benefisiari dan bagaimana wasiat diagihkan.	
6	Zairy Zainol et. al (2019), Norazlina et. al (2019), Hasmah Laili (2019), Amalina Mursidi & Khairil Faizal (2020), Amalina Mursidi	Hasil kajian-kajian ini terhadap sejumlah responden berbeza menunjukkan terdapat beberapa faktor penulisan wasiat dalam kalangan masyarakat seperti faktor umur, jantina, gaji bulanan, tahap pendidikan, kesihatan, agama, pengaruh keluarga, budaya, faktor hidup dan sosial, faktor sikap dan	Faktor penulisan wasiat

	& Suharni Maulan (2020), Mohamed Bouteraa & Al-Hasan Al-Aidaros (2020), Mohamad Ali (2021), Amalina Mursidi & Suharni Maulan (2021), Siti Nurul Shuhada et. al (2021), Mohd Zulkifli et. al (2021), Juliza et. al (2022), Amalina Mursidi & Suharni Maulan (2022), Amalina Mursidi (2022)	kesedaran, institusi yang menawarkan wasiat, dan kelebihan penulisan wasiat itu sendiri.	
7	Mohamed Bouteraa (2019)	Kaji selidik dilakukan ke atas pelanggan Bank Simpanan Nasional (BSN) dan mendapati faktor kesedaran penulisan wasiat masih di tahap rendah.	
8	Anuar Ali et. al (2020)	Kajian ini bertujuan memahami peranan memobilia dan kesedaran wasiat digital dalam kalangan pengguna individu khususnya melibatkan aset digital.	
9	Nor Adila Mohd Noora et. al (2019)	Artikel ini merumuskan bahawa undang-undang berkenaan harta pusaka orang Islam perlu penambahbaikan terutama melibatkan wasiat.	
10	Shahrina Romli & Mat Noor (2020)	Analisis dilakukan terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan (2004) untuk melihat sejauh manakah enakmen tersebut dapat membantu penyelesaian isu harta pusaka tidak dituntut.	
11	Akmal Hidayah et. al (2020), Nor Adila et. al (2021),	Penulis menganalisis bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah berkaitan undang-undang dan prosedur yang berkaitan dengan pelaksanaan wasiat Islam di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa tiada peruntukan undang-undang khusus berkaitan dengan rujukan wasiat Islam kepada Mahkamah Syariah sebelum pemberian probet dan memerlukan kepada transformasi.	Analisis Perundangan
12	Fatimah Karim et. al (2022),	Kajian ini menganalisis hukum wasiat kepada waris melalui Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 dan Enakmen Wasiat Orang	

		Islam (Negeri Kelantan) 2009. Hasil kajian mendapati wasiat kepada waris adalah sah sekiranya mendapat persetujuan sesama waris.	
13	Kuah Yoke Chin et. al (2021), Muhamad Mu'izz (2021).	Kajian ini berbentuk komparatif dengan membuat perbandingan di antara wasiat, <i>wisayah</i> dan amanah (<i>trust</i>) dalam perancangan harta pusaka. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa perbezaan di antara instrumen-instrumen tersebut.	Analisis Perbandingan

Berdasarkan hasil soroton literatur dalam jadual 1 di atas, terdapat sejumlah 33 artikel semasa bagi tempoh 5 tahun terkini yang membincangkan mengenai wasiat. Kajian yang dilakukan menyentuh lima aspek utama. Pertama: Konsep dan penulisan wasiat, kedua: Wasiat wajibah, ketiga: Faktor penulisan wasiat, keempat: Analisis perundangan, kelima: Analisis perbandingan. Namun, berdasarkan pengamatan penulis, kajian secara khusus menyentuh Wasiat Beramanah melalui instrumen amanah (*trust*) masih tidak diberi perhatian. Walaupun terdapat kajian yang dilakukan oleh Muhamad Mu'izz (2021) di antara wasiat dan *wisayah*, namun perbincangan mengenai Wasiat Beramanah tidak disentuh secara langsung. Justeru, kajian ini akan memberi tumpuan kepada konsep pelaksanaan Wasiat Beramanah dalam perancangan harta pusaka orang Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian ini, data diperolehi melalui kajian kepustakaan seperti rujukan ke atas artikel jurnal, prosiding, buku, akta dan enakmen. Di samping itu, temu bual turut dijalankan bersama seorang wakil daripada unit Amanah (*trust*), Amanah Raya Berhad (ARB) bagi mendapatkan pelaksanaan Wasiat Beramanah secara praktikal. Hasil dapatan yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan komparatif untuk melihat perbezaan di antara wasiat dan Wasiat Beramanah.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Konsep Amanah (*Trust*)

Pelaksanaan amanah (*trust*) adalah berasaskan kepada Undang-Undang Sivil terutama melibatkan prinsip ekuiti (Mary George, 2005). Sesuatu akaun amanah (*trust*) yang diwujudkan oleh penderma adalah berdasarkan kepada objektif tertentu melalui Surat Ikatan Amanah (SIA) dan perlu mempunyai tarikh matang tersendiri. Penderma boleh memberikan manfaat harta amanah tersebut tanpa sebarang had kepada mana-mana benefisiari termasuklah anak angkat, anak tak sah taraf, *non-muslim*, pusat ibadah seperti masjid dan surau, dan agensi rasmi seperti pusat kanser negara, pusat penjagaan gelandangan dan pusat penjagaan orang tua. Selain itu, harta amanah tersebut boleh terdiri sama ada secara tunai atau hartanah.

Secara amnya, pelaksanaan Amanah (*trust*) adalah sah apabila memenuhi salah satu daripada dua syarat berikut (Mary George, 2005):

- i. Berlakunya pindah milik harta daripada penderma sewaktu hidup kepada pemegang amanah (*trustee*) sebagai "*legal ownership*" untuk manfaat benefisiari.
- ii. Pengisytiharaan penderma sebagai pemegang amanah ke atas harta amanah tersebut.

Sekiranya harta amanah tersebut tidak diserahkan sewaktu hidup kepada pemegang amanah untuk ditadbir bagi manfaat benefisiari, maka pentadbiran amanah (*trust*) tersebut tidak dapat dilaksanakan. Ini berlandaskan kepada penghakiman *Milroy v Lord* (1862) 4 De G.F. & J. (pp. 274 – 275). Berdasarkan

kes ini, Hakim Turner telah memutuskan bahawa amanah (*trust*) yang dijalankan adalah sah kerana berlakunya pindah milik harta kepada pemegang amanah. Kes yang sama juga dapat dirujuk dalam beberapa penghakiman yang lain seperti penghakiman Hakim Sir George Jessel MR dalam kes Richarda v Delbridge (1874) LR 18 Eq 11, kes Takalbhai v Imtiyai Begam (1916) 41 Bom. 372 di Negara India, dan kes Koperasi Wanita Sawarak & Anor v Robert Sim Teck Hock Amr 349; [2005] MLJ 493.

Pemindahan harta amanah kepada pemegang amanah ini adalah penting kerana dapat menjamin harta amanah tersebut ditadbir mengikut arahan yang ditetapkan dalam SIA. Justeru, harta amanah yang ditadbir ini tidak tertakluk kepada hukum faraid dan tidak perlu melalui proses pentadbiran harta pusaka yang rumit untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir (SKM). Berbeza dengan wasiat biasa, harta yang diwasiatkan masih tertakluk kepada hukum faraid dan perlu melalui proses pentadbiran pusaka yang panjang (Kuah Yoke Chin, 2021).

Menurut Ahmad Mustapha (2023) iaitu pegawai di unit amanah (*trust*), Amanah Raya Berhad (ARB), penubuhan akaun amanah (*trust*) adalah penting dalam sesuatu perancangan harta pusaka. Ini dapat dirujuk dalam satu kes yang melibatkan pinjaman peribadi si mati "A". Sewaktu hayat si mati "A", beliau telah mengambil pembiayaan peribadi berjumlah RM200 ribu ringgit bagi tujuan pembelian rumah kos rendah secara tunai. Beliau telah menamakan isterinya sebagai penjamin. Pembiayaan peribadi yang telah diperoleh tersebut telah disimpan di dalam akaun simpanan beliau. Akan tetapi selepas beberapa bulan sebelum sempat membeli rumah kos sederhana tersebut, beliau telah meninggal dunia pada tahun 2021 dan meninggalkan seorang isteri, dua orang anak perempuan, ibu dan saudara seibu sebapa lelaki (SIBL).

Masalah timbul apabila wang pembiayaan peribadi tersebut tidak dapat dikeluarkan bagi tujuan asal si mati "A". Ini kerana proses pengeluaran tersebut memerlukan kepada Surat Kuasa Mentadbir (SKM). Malah, wang pembiayaan peribadi tersebut yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembelian rumah kos rendah telah menjadi harta pusaka si mati "A" dan turut diwarisi oleh waris-waris beliau seperti jadual 2 berikut:

Jadual 2: Situasi perwarisan faraid

Waris	Bahagian Faraid	Saham	RM200,000
Isteri	1/8	3/24	25,000
Anak Perempuan	2/3	8/24	66,667
Anak Perempuan		8/24	66,667
Ibu	1/6	4/24	33,333
SIBL	<i>Asabah binafsih</i>	1/24	8,333

Berdasarkan jadual 2 di atas, isteri si mati "A" akan memperoleh RM25,000, setiap anak perempuan akan memperoleh RM66,667, ibu akan memperoleh RM33,333, manakala SIBL akan memperoleh RM8,333. Selain itu, bahagian kedua-dua anak perempuan tersebut akan ditadbir oleh ARB melalui akaun amanah (*trust*) secara *involuntary* sehingga mereka berumur 18 tahun. Ini dapat dirujuk dalam Seksyen 20 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 mengenai pelantikan ARB sebagai pemegang amanah bagi benefisiari bawah umur dan tiada keupayaan daripada segi undang-undang:

Jika, apabila selesainya pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tidak berwasiat, masih terdapat dengan perbadanan wang yang tidak dapat dilupuskan serta-merta olehnya melalui pembahagian mengikut undang-undang oleh sebab ketakdayaan orang yang berhak itu untuk memberikan pelepasan, kerana kurang

keupayaan di sisi undang-undang atau selainnya, atau oleh apa-apa sebab lain yang didapati mencukupi oleh Perbadanan, maka Perbadanan boleh menggunakan wang itu bagi faedah orang itu.

Berdasarkan situasi ini, hajat si mati "A" tidak akan tertunai untuk pembelian rumah kos rendah tersebut kecuali satu akaun amanah (*trust*) telah dibuka sewaktu hayatnya. Ini kerana, harta amanah (wang pembiayaan peribadi RM200 ribu ringgit tersebut) tidak akan menjadi harta pusaka apabila dibuka melalui akaun amanah (*trust*). Malah, penderma juga boleh meletakkan arahan dan syarat di dalam SIA tersebut. Sebagai contoh, memberikan arahan kepada pemegang amanah untuk membeli rumah tersebut selepas kematiannya bagi manfaat ahli keluarganya. Malah, penderma juga boleh menamakan isterinya sebagai benefisiari tunggal untuk tujuan tersebut.

Konsep Wasiat Beramanah Dalam Pengurusan Harta Pusaka

Secara asasnya, Wasiat Beramanah adalah bersandarkan kepada konsep amanah (*trust*) di atas. Melainkan perbezaan yang wujud adalah harta amanah melalui Wasiat Beramanah ini hanya dipindah milik selepas proses pentadbiran harta pusaka selesai dilaksanakan (Vik Sundar et .al, 2016). Bagi orang Islam, pemberian kepada bukan waris melalui Wasiat Beramanah masih tertakluk kepada 1/3 bahagian. Manakala pemberian kepada waris perlu mendapatkan persetujuan ahli waris yang lain (Muhamad Mu'izz, 2023). Jadual 3 di bawah menerangkan perbezaan wasiat dan Wasiat Beramanah.

Jadual 3: perbezaan wasiat dan Wasiat Beramanah

No	Wasiat	Wasiat Beramanah
1	Sumber daripada al-Quran dan al-Hadis	Sumber daripada Undang-Undang Sivil
2	Arahan pewasiat adalah secara terus dan dibahagikan kepada waris faraid atau penerima.	Arahan pewasiat adalah terperinci. Akaun amanah (<i>trust</i>) akan dibuka daripada harta pusaka si mati dan ditadbir SIA.
3	Tiada tempoh peramanahan selepas wasiat ditadbir.	Mempunyai tempoh peramanahan dan tempoh matang melalui SIA.

Melalui pelaksanaan Wasiat Beramanah ini, pewasiat dapat memperuntukkan sejumlah wang tunai di dalam akaun amanah (*trust*) kelak. Pewasiat dapat memperincikan objektif penubuhannya di dalam SIA bagaimana harta amanah tersebut perlu ditadbir oleh pemegang amanah yang tidak mempunyai sebarang kepentingan. Contohnya urusan pembayaran nafkah bulanan, pendidikan, perayaan, perubatan, pelaburan dan lain-lain (Ahmad Mustapha, 2023).

Tidak dinafikan bahawa Wasiat Beramanah adalah pelengkap kepada pelaksanaan wasiat Islam sedia ada. Wasiat Beramanah diwujudkan oleh pewasiat melalui arahan yang ditulis dalam wasiat sewaktu hidup. Pelaksanaannya akan berkuat kuasa selepas kematian pewasiat dan arahan yang terkandung di dalamnya adalah lebih terperinci berbanding wasiat biasa (Muhamad Mu'izz, 2023). Berikut adalah contoh perbezaan perancangan harta pusaka di antara wasiat dan Wasiat Beramanah:

Contoh Situasi Wasiat Biasa:

Jadual 4: Perancangan harta pusaka melalui wasiat

No	Benefisiari	Jenis Aset	Bahagian
1	Anak angkat	Tanah pertanian	1/3
2	Pusat kebajikan dan pusat tahfiz	Tunai RM300k	1/3

3	3 orang anak kandung	Rumah banglo	Sama rata
4	Suami	Kereta	1/1
5	Ibu, ayah, suami	Emas, saham, tunai RM500k.	Secara faraid

Merujuk kepada jadual 4 di atas, wasiat si mati adalah secara ringkas dan akan dilaksanakan seperti yang diwasiatkan oleh pewasiat. Namun jika terdapat sebarang pertikaian dalam kalangan waris, maka pembahagian adalah mengikut hukum faraid. Manakala 1/3 bahagian adalah terjamin kepada bukan waris.

Contoh Situasi Wasiat Beramanah:

Berbeza dengan wasiat biasa di atas, pelaksanaan Wasiat Beramanah adalah lebih terperinci dan komprehensif. Sebagai contoh, Pewasiat "AB" ingin mewasiatkan duit simpanan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) berjumlah RM900,000 kepada isteri dan 3 orang anaknya yang di bawah umur iaitu seorang lelaki dan 2 orang perempuan.

Pembahagian 1: secara hukum faraid

2/3 daripada KWSP tersebut iaitu berjumlah RM600,000 ingin dibahagikan mengikut faraid kepada mereka. Jadual 5 di bawah menerangkan jumlah harta pusaka yang akan diterima oleh setiap waris sekiranya berlaku kematian ke atas Pewasiat "AB":

Jadual 5: Pengiraan hukum faraid

Waris	Bahagian Faraid	Saham	RM600,000
Isteri	1/8	4/32	75,000
Anak Lelaki	<i>Asabah Ma'al Ghair</i>	14/32	262,500
Anak Perempuan		7/32	131,250
Anak Perempuan		7/32	131,250

Berdasarkan perkiraan faraid tersebut, jumlah harta pusaka yang bakal diterima oleh si isteri adalah berjumlah RM75,000, anak lelaki berjumlah RM262,500, setiap anak perempuan berjumlah RM131,250.

Pembahagian 2: secara Wasiat Beramanah

Seterusnya, baki 1/3 daripada KWSP tersebut iaitu berjumlah RM300,000 ditadbir melalui kewujudan akaun amanah (*trust*) untuk manfaat 3 orang anaknya. Isteri pewasiat "AB" dilantik sebagai penjaga untuk menerima manfaat bagi 3 orang anak beliau seperti arahan berikut:

- i. 30% untuk tujuan pembayaran nafkah.
- ii. 30% tujuan caruman takaful.
- iii. 30% tujuan pendidikan.
- iv. 5% untuk tujuan wakaf .
- v. 5% untuk tujuan kebajikan.

Perincian pengurusan Wasiat Beramanah adalah seperti berikut:

1. Pembayaran nafkah

- **30%** daripada simpanan KWSP tersebut iaitu berjumlah RM90,000 dibahagikan kepada 3 orang anaknya yang bawah umur secara sama rata. Akaun amanah (*trust*) tersebut ditadbir sehingga mereka berumur 18 tahun.
- Pewasiat “AB” mengarahkan pembayaran nafkah bulanan selepas kematiannya kepada setiap benefisiari dengan jumlah RM100 dan dibayar kepada penjaga dilantik.
- Akaun amanah (*trust*) ketiga-tiga anaknya akan ditutup dan baki bersih akaun amanah dibayar kepada mereka setelah cukup umur 18 tahun.

Contoh perkiraan:**Jadual 6:** Kaedah pembayaran nafkah

30% daripada simpanan KWSP				
Modal akaun amanah (<i>trust</i>) RM90,000				
Benefisiari	Umur	Modal (RM)	Tempoh Nafkah (sehingga 18 tahun)	Baki dibayar apabila cukup umur 18 tahun (RM)
Bene A	17	30,000	RM100 x 12 bulan = RM1,200	28,800
Bene B	15	30,000	RM100 x 12 bulan x 3 tahun = RM3,600	26,400
Bene C	10	30,000	RM100 x 12 bulan x 10 tahun = RM12,000	18,000

2. Caruman takaful

- Manakala baki **30% lagi** daripada simpanan KWSP tersebut iaitu berjumlah RM90,000 dicarum dalam Syarikat Takaful Ikhlas dengan caruman bulanan RM200 kepada setiap seorang sehinggalah mereka mencapai umur 18 tahun.
- Akaun amanah (*trust*) ketiga-tiga anaknya akan ditutup dan baki bersih akaun amanah dibayar kepada mereka setelah cukup 18 tahun.

Contoh perkiraan:**Jadual 7:** Kaedah caruman takaful

30% daripada simpanan KWSP				
Modal akaun amanah (<i>trust</i>) RM90,000				
Benefisiari	Umur	Modal (RM)	Tempoh Caruman Takaful (sehingga 18 tahun)	Baki dibayar apabila cukup umur 18 tahun (RM)
Bene A	17	30,000	RM200 x 12 bulan = RM2,400	27,600
Bene B	15	30,000	RM200 x 12 bulan x 3 tahun = RM7,200	22,800

Bene C	10	30,000	RM200 x 12 bulan x 10 tahun = RM24,000	6,000
--------	----	--------	---	-------

3. Tabung Pendidikan Keluarga

- Baki **30% lagi** daripada simpanan KWSP tersebut iaitu berjumlah RM90,000 diasingkan dan dibuat akaun amanah (*trust*) bagi tujuan kebajikan dan pendidikan kepada semua anak-anak beliau. Tabung kebajikan ini dinamakan "Tabung Pendidikan Keluarga AB".
- Sebagai contoh arahan pelaksanaan: wang amanah RM90,000 perlu dilaburkan untuk tempoh 15 tahun dan sebarang pengeluaran modal adalah tidak dibenarkan sama sekali. Dalam tempoh tersebut, hanya dividen yang terhasil boleh digunakan untuk tujuan pendidikan anak-anak beliau seperti pembayaran yuran persekolahan atau universiti, pembelian alat belajar seperti komputer riba.

4. Tujuan Wakaf

- **5% lagi** daripada simpanan KWSP tersebut iaitu berjumlah RM15,000 disalurkan kepada pusat Yayasan Waqaf Malaysia bagi tujuan pembinaan hospital waqaf di Malaysia.

5. Tabung Kebajikan

- **5% lagi** daripada simpanan KWSP tersebut iaitu berjumlah RM15,000 digunakan untuk membantu dan menaja pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan sama ada diperingkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti.

6. Pembayaran Zakat

- Bayaran zakat tahunan bagi akaun amanah (*trust*) yang cukup syaratnya dibayar kepada Majlis Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Berdasarkan perancangan harta pusaka melalui Wasiat Beramanah di atas, jelas menunjukkan bagaimana pewasiat "AB" dapat memperincikan wang KWSP tersebut ditadbir. Kelebihan utama perancangan melalui Wasiat Beramanah adalah wang tersebut lebih terjamin untuk dilaksanakan melalui pelantikan pemegang amanah seperti yang dinyatakan dalam SIA. Berbanding wasiat biasa, perlantikan penjaga individu tidak terjamin dan dikhuatiri harta tersebut tidak dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin seperti yang diinginkan oleh pewasiat.

Namun demikian, tahap kesedaran dalam kalangan orang Islam melalui aplikasi Wasiat Beramanah ini masih kurang. Menurut, Ahmad Mustapha (2023) kebanyakan pewasiat yang melaksanakan Wasiat Beramanah adalah terdiri daripada golongan *non-muslim* kerana mengetahui kelebihannya kepada benefisiari yang bakal ditinggalkan. Di samping itu, pengenalan terhadap pelaksanaan Wasiat Beramanah ini juga dilihat tidak terlalu meluas seperti mana penulisan wasiat biasa. Masyarakat Islam kebiasaannya hanya mewasiatkan harta yang dimiliki kepada waris-warisnya secara terus beserta pesanan yang dilampirkan untuk tatapan waris-waris yang akan ditinggalkan.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, wasiat dan Wasiat Beramanah mempunyai signifikannya yang tersendiri dalam perancangan harta pusaka di Malaysia. Namun, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan Wasiat Beramanah mempunyai peluang yang lebih luas untuk diterokai sebagai alternatif dalam perancangan harta pusaka yang lebih komprehensif. Pelaksanaan Wasiat Beramanah melalui amanah (*trust*) ini adalah lebih terperinci dan pelaksanaannya adalah lebih terjamin melalui SIA yang telah dimeterai seperti ditetapkan sewaktu pewasiat masih hidup. Justeru, kajian ini mencadangkan agar maklumat mengenai Wasiat Beramanah ini diperluaskan dalam kalangan masyarakat muslim khususnya. Pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan institusi peramanahan di Malaysia juga boleh menyediakan geran penyelidikan kepada para sarjana untuk

memikul tanggungjawab ini. Hasilnya, dapatan kajian tersebut boleh dimanfaatkan untuk manfaat waris-warisan tercinta.

RUJUKAN

- Ahmad Mustapha Mat Ali, 2023. Eksekutif Kanan di Cawangan Kuala Lumpur, Amanah Raya Berhad.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). *Sahih al-Bukhari*, Cetakan 1, al-Mania: Jam'iah al-Maknaz al-Islami.
- Al-Khatib Asy-Syarbini, Muhammad Bin Ahmad. (1994). *Mugni Al-Muhtaj Fi Makrifati Alfaz Al-Minhaj*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Fatimah Karim. (2022). Legal Applications of the Obligatory Will in the Shariah Court of Selangor, *Al-Hikmah International Journal for Islamic Studies & Human Sciences*, Vol. 5, No. 6, pp. 348-384.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali. (1958). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Juliza Mohamed, Noor Akma Mohd Salleh, Farah Adibah Zulkifli. (2022). Wassiyah intention among Muslims in Selangor: The role of religiosity in planned behaviour theory. *Selangor Business Review*. Vol. 7, No. 2, pp. 1-18.
- Kuah Yoke Chin, Wei Chooi Yi, Nurul Afidah Mohamad Yusof, Zuriawati Zakaria, Zam Zuriyati Mohamad. (2021), Comparison between Will and Trust: A Conceptual Review, *The Journal of Management Theory and Practice*, Vol. 2, No. 4, pp. 97-101.
- Margaretha. (2020). Pelaksanaan Wakaf Wasiat Dan Akibat hukumnya Ketika Harta Warisan Dipailitkan, *Jurnal Hukum Kenotariatan*, Vol. 5, No. 1, pp. 53-68.
- Mary George. (2005), *Undang-Undang Amanah Malaysia*, Sweet and Maxwell Asia, Petaling Jaya.
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang, Mohamad Sabri Zakaria. (2023). Analysis of trust instrument in Islamic estate planning: a study case at Amanah Raya Berhad, Malaysia, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, pp. 1759-0817.
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang, Nasrul Hisyam Nor Muhammad. (2021). Wasiat Dan Wisayah: Analisis Perbandingan Dalam Perancangan Harta Pusaka Muslim, *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol. 8, No.1, pp. 55 – 74.
- Vik Sundar, Charles Rowland, Phillip Edwin Bailey. (2016). *Testamentary Trusts: Strategies and Precedents*, Lexis Nexis Butterworths, 2nd edition.
- Wan Abdul Halim Wan Harun. (2008). *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan 2.